



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## SIARAN MEDIA

### PERPADUAN BAHASA KOLOKIAL: LANGKAH KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA MEMELIHARA WARISAN NEGARA

**KOTA BHARU, 5 Mac 2024** – YB Datuk Aaron Ago Dagang, Menteri Perpaduan Negara telah **merasmikan Bicara Bahasa Kolokial: Melestarikan Keberdayaan Bahasa Komuniti ‘Cakno Loghat Kelate’** hari ini di Grand Riverview Hotel. Pelaksanaan Program Bicara Bahasa Kolokial di Negeri Kelantan ini merupakan **siri yang keenam (ke-6)** oleh **Kementerian Perpaduan Negara (KPN)** melalui **Arkib Negara Malaysia (ANM)** antara lain bertujuan untuk **mengangkat dan memperkasakan bahasa etnik serta mendokumentasikan kepelbagaian bahasa kolokial di Malaysia**.

Program ini dilihat sebagai **satu inisiatif yang sejajar dengan matlamat yang digariskan oleh KPN dalam memperkuuh perpaduan melalui kepelbagaian budaya dan bahasa**. Mengangkat tema ‘Cakno Loghat Kelate’ yang menekankan kepada dialek masyarakat Kelantan atau lebih popular sebagai ‘kecek Kelate’ adalah satu tema unik yang bermaksud ‘**mengambil berat dialek Kelantan** dalam memperkasa bahasa etnik’.

Sebagai langkah proaktif untuk memperkuuhkan pemeliharaan khazanah warisan negara, KPN melalui **ANM memainkan peranan utama dalam aktiviti pendokumentasian bahasa kolokial** yang telah bermula pada tahun 2023 dan akan terus dipergiatkan lagi. Menteri Perpaduan Negara, YB Datuk Aaron Ago Dagang menyatakan bahawa **ANM akan menjadi hub rujukan bahasa kolokial dan budaya etnik di Malaysia**. Beliau turut mengumumkan pada bulan Oktober ini, **ANM akan melancarkan buku pendokumentasian dan pameran berhubung kepelbagaian bahasa kolokial melalui Konvensyen Bahasa Kolokial Kebangsaan**.

“Inisiatif ANM mendokumentasikan bahasa kolokial merupakan **salah satu usaha bagi memasyarakatkan warisan negara supaya ia dapat kekal dirujuk dan dihayati oleh generasi akan datang**,” katanya. Turut menyokong usaha ini, Kementerian akan melaksanakan **Kempen Kenali Bahasa Kolokial** bagi menyuburkan minat golongan muda terhadap **kepentingan mengenali dan memelihara khazanah warisan negara**, terutamanya bahasa kolokial.

YB Menteri Perpaduan Negara menyatakan harapan agar kesemua inisiatif yang dilaksanakan ini dapat **meningkatkan kesedaran dan penghayatan terhadap kepelbagaian bahasa kolokial dan mendapat sokongan pelbagai pihak**, sekali gus menyumbang kepada pemeliharaan khazanah warisan negara yang kaya dan unik.

## Kementerian Perpaduan Negara

5 Mac 2024

---

*Kementerian Perpaduan Negara (KPN) ditubuhkan pada 10 Mac 2020. Fungsi utama Kementerian Perpaduan Negara adalah untuk memacu agenda perpaduan nasional bagi memastikan kesejahteraan dan keharmonian rakyat Malaysia. Terdapat tujuh (7) Jabatan/Agensi Kerajaan di bawah KPN iaitu 1. Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (JPNIN), 2. Arkib Negara Malaysia (ANM), 3. Perpustakaan Negara Malaysia (PNM), 4. Jabatan Muzium Malaysia (JMM), 5. Yayasan Sukarelawan Siswa, 6. Yayasan Tunku Abdul Rahman dan 7. Yayasan Tun Razak, 8. Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA).*

Dikeluarkan oleh:-      Unit Komunikasi Korporat  
                                b.p.: Ketua Setiausaha  
                                Kementerian Perpaduan Negara  
                                Tel: +603 8091 8041 | Fax: +603 8888 8568 569  
                                E-mel: pro@perpaduan.gov.my

No rujukan: KPN.UKK.100-9/1/8 Jld. 2 ( )